

Hubungan Ekonomi Malaysia dan Indonesia Era Tun Hussein Onn dari Tahun 1977-1981

*Malaysian and Indonesia Economic Relations in the era of Tun Hussein Onn
from 1977-1981*

MOHAMAD AKMAL IBRAHIM

ABSTRAK

Ketika era Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri Malaysia, hubungan ekonomi mula mengorak langkah yang lebih luas bukan sahaja dalam bidang pertanian malah dalam sektor perindustrian termasuk petroleum dan gas. Hubungan ekonomi Malaysia dan Indonesia juga sudah mula bekerjasama dalam bidang petroleum dan gas asli dan turut meneruskan kerjasama dalam bidang pertanian. Selain itu, isu keselamatan turut menjadi agenda utama Tun Hussein Onn dan Indonesia bagi menjamin kestabilan dan keselamatan rantaui Asia Tenggara. Ini penting bagi memastikan pelaburan asing dan perdagangan tidak terjejas. Penyelidikan ini akan menghuraikan hubungan politik dan ekonomi antara Malaysia dan Indonesia yang menjadikan teras kerjasama hubungan ekonomi kedua-dua negara. Analisis juga tertumpu dasar ekonomi Malaysia bagi melihat sejauh mana peluang kerjasama ekonomi antara Malaysia dan Indonesia. Penyelidikan ini menggunakan bahan dari sumber primer dan sekunder yang diperolehi daripada Arkib Negara Malaysia dan Arsip Nasional Republik Indonesia. Hasil kajian mendapati era Tun Hussein Onn menumpukan pembangunan bumiputera bagi mengimbangi ketidaksamaan taraf ekonomi seperti yang direncanakan dalam Dasar Ekonomi Baru. Selain itu, hubungan ekonomi antara Malaysia dan Indonesia juga mula menumpukan kerjasama sektor petroleum dan gas asli yang mula menjadi penyumbang utama pendapatan negara. Pada masa yang sama, kerjasama sektor pertanian dan perindustrian turut dipertingkatkan dalam penyelidikan dan guna tenaga antara Malaysia dan Indonesia.

Kata Kunci: Petroleum dan Gas Asli; Malaysia; Indonesia; Permodalan Nasional Berhad

ABSTRACT

During the era when Tun Hussein Onn served as the Prime Minister of Malaysia, economic ties began to move towards broader horizons, not only in the agricultural sector but also in the industrial sector, including petroleum and gas. Malaysian and Indonesian economic relations have also begun to cooperate in petroleum and natural gas and continue to cooperate in agriculture. Apart from that, security issues are also the main agenda of Tun Hussein Onn and Indonesia to ensure the stability and security of the Southeast Asian region. It is essential to ensure that foreign investment and trade are not affected. This research will describe Malaysia and Indonesia's economic relations, which form the core of economic cooperation between the two countries. The analysis also focuses on the economic policies of the two countries to see the extent of opportunities for economic cooperation between Malaysia and Indonesia. This research uses materials from primary and secondary sources obtained from the National Archives of Malaysia and National Archives of the Republic of Indonesia. The study found that during Tun Hussein Onn's era, there was a focus on Bumiputera development to address economic inequality as planned in the New Economic Policy. Additionally, the economic relationship between Malaysia and Indonesia also began to focus on cooperation in the petroleum and natural gas sectors, which became major contributors to national revenue. At the same time, cooperation in the agricultural and industrial sectors was also enhanced through research and manpower utilization between Malaysia and Indonesia.

Keywords: Petroleum and Natural Gas; Malaysia; Indonesia; Pemodal Nasional Berhad

PENGENALAN

Perkembangan hubungan ekonomi Malaysia dan Indonesia yang telah mula berubah berdasarkan potensi sektor perindustrian dan pembuatan diperingkat ekonomi global. Ini memerlukan dinamika baharu dalam menembusi pasaran dunia dan potensi Malaysia dalam sektor petroleum dan gas menjadi nilai tambah kepada pembangunan sektor perindustrian. Hubungan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia berada dalam proses era pemulihan pasca konfrontasi dengan melihat peluang kerjasama ekonomi yang sedia ada untuk terus diperkuatkan. Namun begitu, perubahan ekonomi dunia mengalami perubahan di era 1980-an. Sistem perdagangan bebas menjadi cabaran baharu ekonomi kepada hubungan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia.

Di era 1977 hingga 1981, kepimpinan era Tun Hussein Onn dan Suharto menjadi penggerak hubungan diplomatik dan pembangunan ekonomi kedua-dua negara. Di era ini, sektor pertanian bukan lagi menjadi penyumbang utama kepada pendapatan kedua-dua negara. Sektor industri petroleum dan gas asli mula menjadi penyumbang utama pendapatan ekonomi Malaysia dan Indonesia. Maka perubahan dasar ekonomi dalam negara turut berubah sejajar dengan perubahan sistem ekonomi dunia. Walaupun hubungan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia mengalami perubahan, namun tidak begitu ketara kerana kedua-dua negara masih lagi tetap mengekalkan sektor pertanian sebagai sektor pembangunan ekonomi yang penting negara walaupun tidak lagi menyumbang kepada pendapatan utama negara.

Fokus kajian akan menganalisis hubungan ekonomi dalam kepimpinan Tun Hussein Onn memberi impak kepada kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia. Selain itu, perkembangan ekonomi antarabangsa termasuk peranan blok-blok ekonomi yang melibatkan Malaysia turut dianalisis terutama berkaitan impak dan cabaran pembangunan ekonomi kepada negara.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian terdahulu yang membincangkan hubungan ekonomi Malaysia dan Indonesia. Di antaranya ialah “*Indonesia-Malaysia Relations: Cultural Heritage, Politics and Labour Migration*” oleh Marshall Clark dan Juliet Pietsch (2014). Sebuah buku yang menyusun pelbagai tema dalam membincangkan hubungan Malaysia dan Indonesia. Buku ini memperihalkan isu-isu hubungan Malaysia dan Indonesia dari semua politik, budaya, ekonomi, sosial, keselamatan dan regional dalam membincangkan situasi hubungan kedua-dua negara. Buku ini lebih membincangkan hubungan masyarakat Malaysia dan Indonesia dalam menjelaskan hubungan yang berlaku dan persepsi antara kedua-dua negara dalam sesuatu isu. Namun demikian, kajian ini juga turut menyentuh hubungan Malaysia dan Indonesia dalam hubungan diplomatik dan juga regional. Dalam aspek ekonomi, kajian ini telah menyentuh isu tenaga kerja secara umum yang melibatkan Malaysia dan Indonesia. Namun begitu, masih kurang membincangkan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia terutama ketika era Tun Hussein Onn dan lebih memfokuskan isu keselamatan dan politik hubungan kedua-dua negara.

Selain itu, terdapat juga kajian yang bertajuk rekonsiliasi hubungan Malaysia-Indonesia dalam konteks regionalisme Asia Tenggara oleh Mohamad Rodzi, Abd Ghapa, Zubaidah dan Azharudin (2013). Kajian ini menumpukan rekonsiliasi dalam hubungan Malaysia-Indonesia sebagai satu strategi penyelesaian konflik antara negara. Rekonsiliasi adalah bahagian penting diplomasi track-two yang memberi fokus kepada ‘*people to people relation*’ dalam menyelesaikan konflik yang berlaku. Pendekatan ini dilihat berorientasikan diplomasi yang

bersifat '*bottom-up*' bagi menampung kelemahan pendekatan yang sebelum ini iaitu '*top-down*' yang dilihat gagal dalam menyelesaikan konflik Malaysia dan Indonesia. Kajian ini juga menjadikan isu-isu konflik yang berlaku antara kedua-dua negara sebagai contoh kegagalan diplomasi sebelum ini. Selain itu, artikel ini juga turut menyentuh kerjasama politik dan ekonomi kedua-dua negara. Namun demikian, perbincangan kerjasama ekonomi kedua-dua negara lebih bersifat umum tidak memfokuskan secara mendalam kerjasama dan perjanjian dalam ekonomi yang dijalankan oleh kedua-dua negara.

Begitu juga, artikel kerjasama dan konflik dalam hubungan Malaysia-Indonesia oleh Ruhanas Harun (2005) turut memperihalkan hubungan kerjasama luaran dan dalaman. Artikel ini membincangkan beberapa rentetan konflik di antara dua negara ini bermula daripada isu semasa konfrontasi sehingga pasca konfrontasi seperti isu Tenaga Kerja Indonesia, tuntutan wilayah dan isu keselamatan. Dalam artikel ini juga turut membincangkan hal-hal berkaitan kerjasama sosial dan kebudayaan antara dua negara. Selain itu, artikel ini juga turut memperihalkan hubungan Malaysia dan Indonesia ketika era Tun Mahathir daripada aspek dasar luar kedua-dua negara. Namun begitu, artikel ini tidak membincangkan secara terperinci daripada aspek hubungan kerjasama ekonomi terutama di era Tun Hussein Onn dengan negara Indonesia.

Secara umumnya, kajian hubungan ekonomi Malaysia dan Indonesia di era Tun Hussein Onn tidak banyak disentuh oleh para pengkaji. Kebanyakkan kajian politik dan ekonomi Malaysia dan Indonesia menjadikan era Tunku Abdul Rahman dan Tun Mahathir Mohamad sebagai rangka waktu kajian namun tidak bagi era Tun Hussein Onn. Kajian hubungan ekonomi Malaysia dan Indonesia di era Tun Hussein Onn membuka suatu kajian yang lebih dinamik untuk melihat dan membincangkan suasana hubungan ekonomi Malaysia dan Indonesia ketika era Tun Hussein Onn.

METODOLOGI

Kaedah kajian yang digunakan adalah analisis sejarah untuk mengenal pasti sesuatu dasar berpandukan analisis dokumen dan data statistik. Kajian dokumen yang diaplikasikan dalam analisis bersifat kronologi dan deskriptif untuk mengkaji dasar ekonomi Malaysia dan Indonesia. Ini penting untuk melihat dasar ekonomi dan perdagangan hubungan Malaysia-Indonesia dalam kerjasama ekonomi terhadap negara.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

SISTEM EKONOMI MALAYSIA

Kesinambungan dasar luar dan politik antarabangsa Tun Hussein Onn yang mengekalkan dasar luar sebelum ini iaitu dasar neutral dan berkecuali turut mempengaruhi perkembangan ekonomi Malaysia. Modernisasi ekonomi global iaitu transisi ke arah sektor perindustrian dan pembuatan telah merubah dasar dan strategi ekonomi Malaysia. Ekonomi yang sebelum ini, berteraskan pertanian komersial sudah mula berubah kepada sektor perindustrian. Pada 19 Oktober 1979, sektor petroleum mengambil-alih sumber pendapatan negara daripada industri getah. Namun begitu, sektor pertanian juga terus dimajukan terutama pertanian berteraskan komersial seperti getah dan kelapa sawit.

“The agricultural sector will continue remain the longest contributor to the Gross Domestic Product...under the Third Malaysian Plan (1976-1980), agriculture will continue to be the longest source of employment providing about 126,000 new jobs or 17% of total new employment in the country raising total employment in the sector to about two million in 1980” Rancangan Malaysia Ketiga (1976).

Berdasarkan petikan dalam Rancangan Malaysia Ketiga (RMK-3) menunjukkan kerajaan terus memperkuuhkan pembangunan ekonomi dalam pertanian dan peluang pekerjaan. RMK-3 (1976-1980) merupakan peringkat kedua pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang merupakan proses kepada pembangunan ekonomi dan sosial melalui strategi sektor perindustrian dalam RMK-3 yang masih tertumpu kepada matlamat DEB. Sumbangan terhadap KDNK masih lebih besar daripada sektor perindustrian. Kerajaan di era Tun Hussein Onn membelanjakan jumlah pelaburan kasar untuk pembangunan RM 48,449 juta ringgit bagi sepuluh tahun pertama pelaksanaan DEB. Tun Hussein Onn menumpukan pembangunan bumiputera bagi mengimbangi ketidaksamaan taraf ekonomi seperti yang direncanakan dalam DEB.

Pada 17 Mac 1978, Tun Hussein Onn telah menubuhkan Pemodal Nasional Berhad (PNB) sebagai syarikat pengurusan modal dan pelaburan terbesar di Malaysia. PNB yang merupakan syarikat induk bagi Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) yang menjalankan sebilangan skim dana amanah dan anak syarikat yang dimiliki keseluruhan oleh yayasan pelaburan bumiputera. Amanah Saham Nasional mendapat sambutan luar biasa dalam menggalakkan Melayu-bumiputera menabung dengan cara membeli saham. Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Bumiputera membantu meningkatkan peratusan pemilik saham oleh bumiputera dalam Syarikat Perniagaan Swasta (Ku Hasnan 2009). Dengan penubuhan PNB merupakan suatu usaha mencapai DEB yang sudah digerakkan sejak era Tun Abdul Razak untuk pembangunan ekonomi bumiputera dan merapatkan jurang ekonomi dengan kaum yang lain.

Fokus memperkasakan ekonomi bumiputera oleh Tun Hussein Onn dianggap sebagai suatu usaha memperkuuhkan perpaduan rakyat Malaysia melalui ekonomi sehingga digelar ‘Bapa Perpaduan Malaysia’. Rancangan Malaysia Ketiga (RMT) dianggap sebagai zaman pembangunan negara selari dengan objektif DEB (Segahran 2009). Beliau menganggap RMT sebagai dokumen rasmi kerajaan yang menjadi pegangan dalam melaksanakan pembangunan negara bagi tempoh tahun 1976-1981. Pemantapan DEB oleh Tun Hussein Onn melalui inkuiti saham bumiputera bagi meningkatkan taraf hidup luar bandar dalam pembangunan ekonomi yang dibangunkan dalam sektor pertanian.

Dalam sektor pertanian, Tun Hussein Onn terus menggerakkan agensi pertanian berorientasi eksport dan komersial yang telah dijalankan Ketika era Tun Abdul Razak. Pada 30 Disember 1979, FELDA telah melabur dua bilion ringgit untuk membangunkan tanah FELDA yang kini sudah 1.2 juta ekar tanah FELDA untuk pertanian. Dengan 700000 ekar kelapa sawit, 390,000 getah, 21 600 ekar koko, 13,000 ekar gula tebu, 3700 ekar untuk kopi dan jumlah populasi masyarakat FELDA sebanyak 370,000 orang. Pengukuhan terhadap agensi FELDA dalam pertanian komersial berskala besar membuktikan bahawa sektor pertanian dan bahan mentah masih lagi penting walaupun sektor industri mula berkembang di penghujung 1970-an. Tun Hussein Onn terus menumpukan pembangunan luar bandar melalui pegangan modal bumiputera dan juga galakkan pertanian komersial yang akan menjadi dagangan ekonomi Malaysia dalam pasaran antarabangsa.

Ekonomi antarabangsa Malaysia di era Tun Hussein Onn tiada perubahan yang drastik hanya meneruskan dasar era Tun Abdul Razak dalam menarik minat pelaburan asing dan perdagangan dengan negara luar. Pelaburan mula meningkat kesinambungan era Tun Abdul Razak ketika era pemulihan ekonomi berjaya menarik pelabur asing. Pelaburan meningkat setiap tahun daripada RM 3.377.1 juta pada tahun 1970, kepada RM 4.813.0 juta pada tahun 1973 dan

meningkat kepada RM 5.434.0 juta pada tahun 1975. Kemasukan pelabur asing yang meningkat setiap tahun telah menggambarkan bahawa perancangan ekonomi Malaysia mula mendapat keyakinan daripada pelabur asing ini menyebabkan Tun Hussein Onn terus berusaha memastikan keamanan dan kestabilan negara terus terpelihara. Ini menyebabkan beliau begitu komited dalam aspek keselamatan negara dengan bekerjasama negara luar untuk mengekalkan keamanan. Ini dapat dilihat penglibatan Tun Hussein Onn dalam ASEAN dan juga kerjasama ‘Doktrin Kuantan’ bersama Indonesia daripada ancaman pengaruh ideologi komunis merebak di rantau Asia Tenggara. Kestabilan dan keamanan negara telah meyakinkan negara luar untuk bekerjasama dalam ekonomi peringkat antarabangsa.

Tun Hussein Onn turut menggunakan peluang di peringkat antarabangsa dalam membangunkan ekonomi Malaysia melalui organisasi ekonomi dunia. Melalui *New International Economic Order* (NIEO), *United Nations Conference on Trade and Development* (UNCTAD), *Natural Rubber Producing Countries* (NRPC) telah membantu Malaysia membangunkan ekonomi. Bantuan telah dilakukan melalui tumpuan kepada isu komoditi utama yang merupakan faktor berpengaruh terhadap perubahan sistem perdagangan antarabangsa. Objektif UNCTAD adalah membentuk dan memelihara harga komoditi pada tahap di mana syarat-syarat sebenar seimbang dan menguntungkan sama ada kepada pengguna atau pengeluar dengan mengambil kira inflasi dunia (Faridah 2017). Organisasi ekonomi antarabangsa ini, sebenarnya telah membantu Malaysia bersaing dalam perdagangan ekonomi antarabangsa. Selain itu, organisasi regional seperti ASEAN juga turut mempengaruhi dasar ekonomi Malaysia dalam perdagangan antarabangsa.

Selain organisasi antarabangsa, Tun Hussein Onn juga turut menggunakan landasan ASEAN memajukan ekonomi negara. ASEAN juga berdialog dengan Amerika Syarikat dalam hal ehwal ekonomi sejak pertengahan tahun 1977. Amerika Syarikat merupakan negara penting dalam hubungan ekonomi Malaysia mahupun ASEAN kerana merupakan perdagangan dan pelaburan utama negara-negara di Asia Tenggara. Kerjasama ekonomi ASEAN telah menjalankan penilaian ke atas projek-projek ekonomi ASEAN dan mengadakan pertukaran fikiran dan konsultasi mengenai dasar perencanaan pembangunan nasional sebagai langkah ke arah ekonomi regional (Faridah 2017). ASEAN sudah mula menjalankan kerjasama ekonomi dalam memberi komitmen pelaksanaan projek perindustrian regional ASEAN dan mula mengurangkan tarif 71 barang dalam perdagangan Intra-ASEAN pada 1977. Ini telah memberi manfaat kepada ekonomi Malaysia dan negara ahli yang lain dapat bekerjasama dalam perdagangan ekonomi ASEAN walaupun masih di peringkat awal. Secara umumnya, tiga indikator pembangunan ekonomi Malaysia era Tun Hussein Onn iaitu DEB dimantapkan dengan PNB. Kedua, kestabilan dan keamanan rantau untuk galakan ekonomi dan ketiga, kerjasama ekonomi di peringkat antarabangsa dan ASEAN.

HUBUNGAN KERJASAMA EKONOMI MALAYSIA DAN INDONESIA 1976-1981

Hubungan bilateral Malaysia dan Indonesia diteruskan lagi dengan lawatan dan rundingan dalam pelbagai kerjasama ketika era Tun Hussein Onn dan Suharto. Pada 30 Januari 1976, Menteri Negeri Indonesia, Widjojo Nitisastro telah mengunjungi Perdana Menteri, Tun Hussein Onn yang baharu sahaja dilantik menjadi Perdana Menteri Ketiga Malaysia. Ini adalah sebahagian lawatan rasmi bagi memperkuuhkan hubungan ekonomi seperti di era Tun Abdul Razak. Pada 18 Mei 1978, Malaysia dan Indonesia telah mengadakan rundingan tidak rasmi hubungan dua hala dengan pertemuan Hussein Onn dan Presiden Suharto di Sri Labuan, Sabah. Kedua-dua pemimpin telah menamatkan rundingan dengan bertukar-tukar pendapat mengenai kepentingan

bersama dan hubungan dua hala. Dalam satu pernyataan bersama menyatakan komitmen kerjasama ekonomi dan politik diteruskan yang dikeluarkan di akhir rundingan tersebut.

Lawatan rasmi kedua-dua negara telah menjadi tradisi untuk mengadakan perjumpaan semula pada 4 Mac 1979. Pegawai-pegawai Malaysia dan Indonesia semasa mengadakan perbincangan bersama Perdana Menteri, Tun Hussein Onn di Gedung Jogja, Indonesia. Ini telah menjadi tradisi lawatan rasmi Perdana Menteri Malaysia dan Presiden Indonesia mengadakan lawatan rasmi bergilir-gilir setiap tahun bagi memperkuatkan hubungan serumpun yang sedia ada selain membincangkan isu-isu penting kedua-dua negara (Mohamed Khatib 2018). Perbincangan di era Tun Hussein Onn dan Suharto tertumpu kerjasama ekonomi maritim berkaitan perikanan antaranya pemasaran ikan di Malaysia dan soal pertukaran asing dan cukai eksport dan import berhubung dengan perikanan. Selain itu, isu persempadanan laut berkaitan prosedur tentang persempadanan lautan. Perbincangan prosedur ini melibatkan wilayah-wilayah sempadan laut yang tidak jelas dibincangkan bagi menentukan hak wilayah antara Malaysia dan Indonesia mengikut piawaian undang-undang antarabangsa. dan juga kerjasama ekonomi perdagangan.

Di era Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri, lawatan pertemuan dengan Suharto sering diadakan terutama membincangkan isu-isu perairan wilayah dan isu ekonomi maritim kedua-dua negara. Pada 27 Mac 1980, Presiden Suharto mengadakan perbincangan dengan Tun Hussein Onn dan bertukar-tukar pendapat mengenai hubungan dua hala. Pada 8 Oktober 1980, rombongan ahli dewan perwakilan Indonesia mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia telah ke Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan Kampung Suharto. Felda Suharto atau Kampung Suharto dinamakan sempena nama Presiden Suharto yang telah melawat kampung berkenaan pada 18 Mac 1977. Sebelum nama Felda Suharto diberi nama asal adalah Felda Sungai Dusun. Ini bagi melihat sendiri projek tanah rancangan FELDA dalam komoditi sawit dan getah beroperasi. Ini adalah sebahagian lawatan Suharto dalam melihat pembangunan FELDA bagi mempertingkatkan pertanian di Indonesia sejajar dengan Program Rancangan Lima Tahun (Repelita) dalam pembangunan ekonomi pertanian.

Hubungan kerjasama ekonomi dengan Indonesia terus dibangunkan bersama terutama dalam komoditi kelapa sawit dan getah. Ini termasuk dalam Perjanjian Asas Hubungan Perdagangan dan Ekonomi pada 1969 kerjasama teknikal lebat melibatkan penyelidikan bagi meningkatkan hasil komoditi dan peluang pasaran di peringkat antarabangsa (Mohamad Akmal 2020). Pada 14 Jun 1976, Persidangan dan Simposium Kelapa Sawit Antarabangsa telah adakan di Kuala Lumpur yang dirasmikan oleh Tun Hussein Onn sebagai Perdana Menteri Malaysia. Persidangan dan Simposium kelapa sawit antarabangsa telah membincangkan mengenai memproses dan memasarkan minyak sawit yang dilihat prospek penting kepada sumber produk industri.

Dalam kerjasama perdagangan Malaysia dan Indonesia kesinambungan kerjasama semakin meningkat beberapa draf perjanjian perdagangan Malaysia dan Indonesia yang ditermaterai pada 16 Oktober 1973 terus dijalankan terutama melibatkan barang import dan eksport. Di antaranya berkaitan masalah asas pengurusan yang bermula dalam hubungan ekonomi dan perdagangan terutama berkaitan cukai perdagangan dan barang yang didagangkan. Tun Hussein Onn terus melaksanakan kerjasama ekonomi yang telah dijalankan oleh Tun Abdul Razak termasuk berkaitan persempadanan darat dan laut yang melibatkan sumber ekonomi. Kedua-dua wakil Menteri Ekonomi Malaysia dan Indonesia meneruskan rundingan dan draf bagi memastikan kedua-dua negara mendapat manfaat bersama melalui perjanjian perdagangan dan ekonomi dan perjanjian perkapalan yang ditandatangani pada tahun 1974.

JADUAL 1. Eksport Malaysia ke Indonesia dari Tahun 1977-1981

Tahun	RM Juta
1977	46.4
1978	44.2
1980	74.7
1981	135.3

Sumber: Diubahsuai daripada Buku Rasmi Tahunan Malaysia 1981

Jadual 1 menunjukkan nilai eksport Malaysia ke Indonesia era Tun Hussein Onn dari tahun 1977 sehingga 1981. Nilai eksport Malaysia ke Indonesia menunjukkan peningkatan nilai eksport dari RM 46.4 juta pada tahun 1977 kepada RM 135.3 juta pada tahun 1981. Peningkatan eksport Malaysia ke Indonesia era Tun Hussein Onn dalam perdagangan disebabkan sektor pembuatan dan industri Malaysia meningkat sejajar dengan peningkatan pengeluaran gas dan petroleum Malaysia menyebabkan sektor perindustrian mula membangun dengan pesat di Malaysia.

JADUAL 2. Import Indonesia ke Malaysia dari Tahun 1977-1981

Tahun	RM Juta
1977	111.7
1978	108.2
1980	175.8
1981	159.6

Sumber: Diubahsuai daripada Buku Rasmi Tahunan Malaysia 1981

Jadual 2 menunjukkan perdagangan import Malaysia dari Indonesia era Tun Hussein Onn dari tahun 1977 sehingga 1981. Jadual menunjukkan nilaiimbangan perdagangan Malaysia dan Indonesia mula mengecil walaupun nilai import Malaysia ke Indonesia melebihi nilai eksport Malaysia ke Indonesia. Nilai perdagangan import Indonesia ke Malaysia adalah bernilai RM 111.7 juta pada tahun 1977 terus mengalami peningkatan dengan nilai import RM 159.6 juta pada tahun 1981. Walaupun begitu nilaiimbangan perdagangan Malaysia dan Indonesia mula mengecil yang menunjukkan kebergantungan ekonomi perdagangan Malaysia dan Indonesia adalah seimbang dengan kedua-dua negara mengeluarkan komoditi yang sama iaitu hasil pertanian dan petroleum dan gas untuk dieksport ke luar negara.

JADUAL 3. Nilai import barang dari Indonesia pada tahun 1980

Barangan Import	Nilai (RM Juta)
Makanan	45.8
Minuman dan Tembakau	2.1
Bahan Mentah tidak Boleh Dimakan	49.6
Minyak-minyak dan Galian	8.5
Minyak dan Lemak Binatang dan Sayur-sayuran	0.1
Bahan-bahan Kimia	6.2
Barang-barang Keluaran Kilang	24.3
Alat-alat Jentera dan Pengangkutan	0.2
Pelbagai Barang Keluaran Kilang	3.7
Pelbagai Peniagaan	0.4
Jumlah	141.0

Sumber: Diubahsuai daripada Perangkaan Tahunan Perdagangan Luar 1981 bagi Malaysia, Jabatan Perangkaan, Malaysia. Kuala Lumpur

Nilai import barang pada tahun 1980 menunjukkan barang makanan dan bahan mentah tidak boleh dimakan menjadi barang import utama Malaysia daripada Indonesia. Nilai import produk makanan adalah bernilai RM45.8 juta dan barang bahan mentah tidak boleh dimakan bernilai RM49.6 juta. Namun begitu, barang import daripada barang-barang keluaran kilang menunjukkan peningkatan dengan RM24.3 juta sejajar dengan kepesatan sektor perindustrian di Malaysia dan Indonesia.

Lawatan rasmi kedua-dua pemimpin negara berjalan dengan baik. Walaupun terdapat beberapa isu yang masih belum diselesaikan pada awal 1980an. Namun begitu, pendekatan ‘ASEAN WAY’ dalam penyelesaian masalah berdasarkan musyawarah dan perbincangan bersama menyelesaikan masalah terutama berkaitan isu sempadan perairan dan tuntutan wilayah Ligatan dan Sipadan. Ini kerana proses rundingan berkaitan tuntutan wilayah Ligatan dan Sipadan masih diteruskan ketika era Tun Hussein Onn untuk mencari jalan terbaik dalam menyelesaikan isu berkenaan. Namun begitu, isu ini hanya diselesaikan dengan membawa kes tuntutan berkenaan ke Mahkamah Keadilan

Antarabangsa (ICJ) pada 2 November 1998 dan memutuskan Pulau Ligatan dan Sipadan milik Malaysia pada 17 Disember 2002.

Di era Tun Hussein Onn beberapa isu timbul dalam hubungan ekonomi masyarakat Malaysia dan Indonesia terutama isu guna tenaga dan isu tuntutan wilayah. Sektor guna tenaga asing terutama daripada Indonesia sudah mula berkembang ke sektor buruh dan industri selari dengan peningkatan sektor perindustrian di Malaysia. Ketika era Tun Hussein Onn tidak banyak isu ekonomi berkaitan hubungan masyarakat Malaysia dan Indonesia kerana hanya meneruskan dasar Tun Abdul Razak yang membuka peluang guna tenaga Indonesia bekerja di Malaysia. Namun begitu, Tun Hussein Onn sudah mula memfokuskan bidang perindustrian sebagai suatu sektor yang perlu dikembangkan sejajar dengan Malaysia sebagai pengeluar petroleum dan gas asli yang tinggi. Ini dibuktikan dengan peruntukan belanjawan negara pada Rancangan Malaysia Ketiga (RMK-3) yang sudah mula memperuntukkan kewangan yang besar dalam sektor perindustrian.

JADUAL 4. Peratusan Peruntukan belanjawan Rancangan Pembangunan Ekonomi Malaysia berdasarkan sektor dari tahun 1966-1985

Sektor Ekonomi	RMK-1 1966-1970	RMK-2 1971-1975	RMK-3 1976-1980	RMK-4 1981-1985
Pertanian	26.3	21.7	22.1	11.8
Industri	3.3	16.5	15.3	27.3

Sumber: Diubahsuai daripada (Drabble 2000), J.H.

Jadual 4 menunjukkan peratusan peruntukan belanjawan Rancangan Pembangunan Ekonomi Malaysia berdasarkan sektor dari tahun 1966-1985. Melihat RMK-3 dan RMK-4 di era Tun Hussein Onn sektor Industri dan Pembuatan menunjukkan peratusan peruntukan belanjawan yang meningkat. Peratusan peruntukan dalam RMK-3 dalam sektor Industri adalah 15.3% telah meningkat kepada 27.3% pada RMK-4. Begitu juga dalam sektor pembuatan daripada 26.6% RMK-3 meningkat kepada 36.2% pada RMK-4.

Ini menunjukkan bahawa era Tun Hussein Onn sektor industri dan pembuatan sudah mula berkembang pesat di Malaysia. Impak daripada statistik RMK-3 dan RMK-4 telah membawa kepada peluang guna tenaga yang tinggi dalam sektor industri dan pembuatan. Ini menyebabkan guna tenaga asing umumnya daripada Indonesia yang sebelum ini bekerja dalam sektor pertanian sudah mula bekerja dalam sektor pengilangan dan buruh bangunan pada awal 1980-an. Secara umumnya, hubungan masyarakat Malaysia dan Indonesia dalam ekonomi mula

tertumpu kepada sektor guna tenaga dan telah mewujudkan transformasi guna tenaga asing daripada sektor pertanian kepada sektor perindustrian.

KERJASAMA DALAM BIDANG PETROLEUM DAN GAS

Dalam tahun 1973 berlaku krisis politik di Timur Tengah. Beberapa buah negara pengeluar minyak negara Arab mengambil keputusan untuk memberhentikan bekalan minyak ke beberapa buah negara tertentu. Kejadian ini menyebabkan berlakunya perebutan mendapatkan bekalan menyebabkan harga melambung naik dengan serta merta. Larangan eksport atau embargo minyak tahun 1973 membuka mata beberapa buah negara pengeluar minyak di dunia tentang pentingnya untuk mengawal industri petroleum.

Petroleum Nasional Berhad (Petronas) adalah syarikat minyak dan gas Malaysia yang ditubuhkan pada 17 Ogos 1974 (ESSO 1983). Industri petroleum di Malaysia bermula di Sarawak dan Sabah. Penduduk awal Sabah dan Sarawak mengetahui resapan minyak di beberapa bahagian di kedua-dua buah negara itu. Resapan minyak yang paling banyak ditemui di sekitar Miri di Sarawak. Pada tahun 1882, catatan terawal yang rasmi berkenaan penemuan resapan minyak Miri dibuat oleh Residen British di Daerah Baram. Pada tahun 1909, Raja Putih Sarawak iaitu Charles Brooke telah memberikan hak mutlak kepada Anglo Saxon Petroleum Company untuk mencari sumber petroleum di seluruh Sarawak. Pada 22 Disember 1910, penemuan minyak Miri permulaan industri petroleum di Sarawak. Sebanyak 83 tong sehari pada awal pengeluaran telah meningkat kepada 15000 tong sehari pada tahun 1929. Kargo minyak Miri yang pertama dieksport ialah dalam bulan April 1913. Namun demikian, pendudukan Jepun telah memusnahkan medan Miri dengan teruk. Medan Miri ditutup dalam bulan Oktober 1972 kerana gagal mencapai pengeluaran seperti sebelum kedatangan Jepun. Kajian Seismik untuk lautan dilakukan pertama kalinya di Sarawak pada tahun 1954 dan Sabah pada tahun 1955 dan 1956. Pada tahun 1962, minyak dijumpai di dua buah kawasan di Luar Pantai Sarawak.

Di Semenanjung Malaysia, kegiatan eksplorasi petroleum bermula pada tahun 1968 dan medan minyak pertama ditemui pada tahun 1971. Sektor perindustrian yang berkembang dengan pesat di seluruh dunia membuka peluang kepada Malaysia membentuk konsesi Syarikat Minyak sendiri. Di milik sepenuhnya oleh kerajaan Malaysia mendapat hak keselamatan terhadap sumber minyak dan gas Malaysia (Sinar Harian 2015). Petronas atau Petroleum Nasional Berhad ditubuhkan di bawah akta syarikat 1960 sebagai perbadanan petroleum negara Malaysia. Akta kemajuan petroleum yang diluluskan di parliment pada 1 Oktober 1974 memberi Petronas hak mutlak dan kuasa ke atas semua sumber petroleum negara. Akta ini berkuatkuasa untuk memproses atau menapis petroleum, mengeluarkan hasil-hasil petrokimia serta memusnahkan hasil-hasil tersebut. Petronas bertanggungjawab secara langsung kepada Perdana Menteri melaporkan kepada majlis penasihat petroleum negara yang ditubuhkan di bawah akta kemajuan petroleum bagi menasihat Perdana Menteri berhubung segala perkara berkaitan dengan tenaga termasuk petroleum.

Dengan penguatkuasaan Akta Kemajuan Petroleum. Setiap syarikat minyak yang ingin mencarigali petroleum di Malaysia diharuskan menandatangani perjanjian perkongsian pengeluaran dengan Petronas. Walaupun sebelum ini telah menjalankan operasi di bawah sistem konsesi, syarikat-syarikat ini diwajibkan menandatangani perjanjian perkongsian pengeluaran dengan Petronas. Perjanjian perkongsian pengeluaran yang pertama ditandatangani ialah pada penghujung tahun 1976 oleh tiga buah syarikat ialah Sabah Shell, Sarawak Shell dan Esso.

Esso Production Malaysian Inc (EPMI) telah mula mencarigali di Pantai Perairan Malaysia pada pertengahan tahun 1960-an, bermula di Pantai Sabah dan kemudiannya pula di Pantai Timur, Semenanjung Malaysia. Penemuan minyak pertama ialah pada tahun 1971 di Tembungo, kira-kira 80 km dari Pantai Negeri Sabah. Pengeluaran dilakukan di akhir tahun 1974. Setahun sebelum pengeluaran minyak mentah telah dijumpai dengan lebih banyak lagi di kawasan yang terletak kira-kira 241 km dari Pantai Negeri Terengganu. Petronas dan EPMI kerjasama carigali dan pengeluaran di tiga buah kawasan kontrak dua buah di Sabah dan Terengganu di Pantai Timur. Petronas mengawal secara langsung pengeluaran industri petroleum Malaysia dan membimbang gubahan dasar di kawasan-kawasan penting. Pembahagian minyak 10% pemberian royalti kepada pusat dan negeri dan 20% diberi kepada EPMI kos perbelanjaan dan operasi petroleum. Manakala baki 70% kos ‘minyak untung’ dibahagikan dengan Petronas dan EPMI 70:50. Keuntungan EPMI adalah tertakluk kepada bonus termasuk cukai eksport dan pendapatan bergantung kepada harga minyak mentah (ESSO 1983).

Petronas dan EPMI menandatangani perjanjian tambahan di bawah kontrak Perjanjian bersama yang meliputi gas asli yang diterima oleh ESSO di kawasan kontrak di Laut Terengganu. Manakala sabah di Teluk Labik, Sabah. Sebelum mencarigali dimulakan pada tahun 1976 di bawah Perjanjian Kontrak bersama, jumlah minyak Malaysia dianggarkan 1.5 billion tong dan baki jumlah gas tanpa sekutu pula adalah 23 trillion kaki padu. Setelah usaha carigali yang pesat dijalankan antara tahun 1977 sehingga 1981 anggaran baki minyak negara bertambah kepada 2.5 billion tong dan gas tanpa sekutu bertambah kepada 44 trillion kaki padu (ESSO 1983).

Pada tahun 1974, Tembango mengeluarkan lebih dari 10,000 tong sehari. Tiga lapangan pada tahun 1982 kepada jumlah lapangan yang dimajukan dijangka meningkat kepada sembilan di hujung tahun 1983. Pada tahun 1982, sebanyak 120,000 tong sehari di Semenanjung Malaysia. EPMI dan Petronas telah menandatangani suatu perjanjian dalam tahun 1982 untuk mengusahakan penemuan gas asli di kawasan kontraknya di Laut China Selatan.

Sementara itu, Syarikat Perkongsian Sarawak Shell Berhad, Sabah Shell Petroleum Company dan Pecta Malaysia telah menandatangani perjanjian perkongsian pengeluaran minyak dengan Petronas. Sarawak Shell Berhad diperuntukkan 17,200 batu persegi di kawasan Perairan Sarawak. Sabah Shell Petroleum Co. dan Pecta Malaysia bagi kawasan selang 5,540 batu persegi di kawasan perairan Sabah. Pada Disember 1976, Exxon Production Malaysia Inc telah menandatangani perjanjian dengan Petronas, Exxon terlibat dalam usaha mencari gali di kawasan seluas 13,300 batu persegi di perairan Kelantan dan Terengganu seluas 2000 batu persegi di Utara dan Timur laut kawasan perairan Sabah dan kawasan seluas 2056 batu persegi di barat laut kawasan perairan Sabah.

Pertamina Syarikat Minyak Indonesia turut memainkan peranan dalam penubuhan Petronas (Shakila 2018). Mencontohi Pertamina Syarikat Minyak dan gas Indonesia yang ditubuhkan pada tahun 1971 bagi menggantikan Permina yang telah ditubuhkan pada tahun 1958. Penemuan minyak di Indonesia telah mengakibatkan tumbuhnya perusahaan minyak pada abad ke-19 tidak kurang dari 18 perusahaan minyak asing mengusahakan sumber minyak di Indonesia.

Pada tahun 1902, *Koninklijke Nederlandsche Petroleum Company* telah menyisihkan syarikat asing dan menyatakan diri dengan *Shell Transport & Trading Co.* menjadi *The Asiatic Petroleum Company* yang kemudian diberi nama *Shell Petroleum Co.* Pada tahun 1907, *The Koninklijke Shell Group* terdiri daripada *Bataafsche Petroleum Mij* (B.P.M) dan *Anglo-Saxon Petroleum Company*. Di Jawa Timur, *De Dortsche Petroleum Company* menjalankan carigali minyak secara sendirian namun syarikat ini dibeli oleh B.P.M. Pada tahun 1912, terdapat

syarikat minyak daripada Amerika Syarikat iaitu *Standard Vacuum Oil Company* yang beroperasi di lapangan Talang Akar-Pendopo di Sumatera Selatan. Bagi menghadapi persaingan dari Standard Oil, perusahaan gabungan di antara B.P.M dan Pemerintah Kolonial Belanda telah membangunkan di Indonesia iaitu *N.V. Nederlandsch Indische Aardolie Mij* (N.I.A.M). Pada tahun 1935, Caltex Indonesia beroperasi di lapangan Produksija yang terbesar terletak di Minas dan Duri di daerah Daratan Riau. Namun begitu, pada tahun 1963 dengan persetujuan Tokyo dasar konsesi Minyak Shell, Stanvac dan Caltex ditukar dengan dasar kontrak minyak namun masih kekal pegangan syarikat oleh pemegang asing. Kerjasama petroleum dan gas Malaysia dan Indonesia dapat dilihat peranan Indonesia dalam pengurusan syarikat minyak terutama dalam pengagihan nilai perkongsian carigali minyak oleh Petronas yang telah dimajukan model ini oleh Indonesia.

"Indonesia's influence on the oil-development programs of the other ASEAN countries can be seen in the adoption of the system of production sharing contracts by several ASEAN countries. For example, the Philippines and, recently, Malaysia have adopted this concept. A Petroleum Development Act was enacted in Malaysia in 1974, and an oil corporation Petronas (Petroleum Nasional Berhad), was established along the lines of Pertamina and given entire ownership and exclusive rights to explore and exploit petroleum onshore and offshore in Malaysia".

Permulaan penubuhan Petronas adalah diasaskan oleh Tun Abdul Razak. Pada 6 September 1974, Tun Abdul Razak melantik Tengku Razaleigh Hamzah sebagai pengurus dan Ketua Eksekutif Petronas. Walaupun idea untuk penubuhan Petronas sejak tahun 1972, namun ianya hanya dapat direalisasikan pada tahun 1974 yang merupakan perbincangan Tun Abdul Razak dan Tengku Razaleigh Hamzah:

"The idea of a national oil company was the result of a discussion we had with the late Tun Abdul Razak at Parliament House in 1972. two years later, Tun Razak directed me to proceed with the formation of national oil company. He said that we must own and control our oil, but reminded me that the government was not prepared to nationalize the foreign oil companies. All of us then had little knowledge about oil" (Carlson 1977).

Hubungan dua hala Malaysia dan Indonesia dalam kerjasama Galian dan Tenaga diperkuuhkan dengan lawatan menteri kedua-dua negara membincangkan hala tuju industri berkenaan. Pada 6 Julai 1979, Menteri Galian dan Tenaga Indonesia mengadakan lawatan kerja bertemu rakan sejawat dalam membincangkan kerjasama dalam bidang galian dan tenaga. Malaysia dan Indonesia merupakan negara utama pengeluaran minyak mentah selain daripada Brunei di rantau Asia Tenggara. Malaysia terus bekerjasama dengan Pertamina Syarikat Indonesia dalam memajukan industri petroleum dan gas.

"Malaysia was also drafting a technical cooperation agreement with Pertamina to have fourteen of Pertamina's oil experts sent to Malaysia. Petronas delegations visited Indonesia several times to study Pertamina's production sharing contracts, their implementation and to visit various oil fields" (Ismail 2004).

Selepas sektor minyak dan gas asli menjadi penyumbang utama sumber ekonomi kedua-dua negara, maka kepentingan untuk memaksimakan pengeluaran minyak dan gas terus dipertingkatkan. Dasar Petroleum Kebangsaan diperkenalkan pada Oktober 1976, Lima perkara utama tunjang perkembangan industri petroleum di Malaysia (Bernama 1976):

1. Penggunaan sumber petroleum negara secara efisien.
2. Pernyataan rakyat Malaysia dari segi pengurusan dan pemilikan.
3. Mengutamakan peningkatan iklim pelaburan yang baik.
4. Penerokaan kepada eksport minyak dan gas ke pasaran laut.
5. Melindungi sumber minyak dan gas asli daripada surut.

Namun begitu, masalah mula timbul dalam menentukan garisan sempadan perairan Malaysia dan Indonesia. Tambahan pula, isu menjadi lebih tegang apabila kawasan sempadan perairan yang bertindih mempunyai hasil galian minyak dan gas yang banyak. Keadaan ini terus mengeruhkan hubungan kedua-dua negara untuk mencari penyelesaian dengan pertemuan wakil kerajaan Malaysia dan Indonesia. Perselisihan masalah sempadan perairan dan Pelantar Benua Malaysia berlaku selepas pembentukan Malaysia. Keadaan ini berlaku sejak 1960-an lagi, kontroversi antara Malaysia dan Indonesia mengenai hak pemilikan ke atas Pulau Sipadan dan Ligitan. Sekali lagi status berbangkit pada tahun 1968 kerana Indonesia membantah cadangan wilayah pelantar laut Malaysia yang memasuki kedua-dua pulau tersebut. Ini kerana Wilayah Perairan Borneo mempunyai persempadanan perairan dengan Indonesia. Keadaan kemuncak berlaku ketika dalam peta baru Malaysia yang dikeluarkan pada 21 Disember 1979 menunjukkan wilayah Sipadan dan Ligitan adalah sebahagian daripada Malaysia (Butcher 2013). Ini menyebabkan Indonesia membantah kerana menyatakan bahawa Ligitan dan Sempadan adalah di bawah sempadan perairan Indonesia.

Pada Februari 1980, perbincangan dilakukan oleh Presiden Suharto dan Perdana Menteri Malaysia, Tun Hussein Onn namun masih gagal menyelesaikan masalah berkenaan. Pada 25 April 1980, Malaysia mengisyitiharkan kawasan Zon Ekonomi Eksklusifnya pada keluasan 200 batu nautika dari perairan negara. Di bawah UNCLOS, Zon Ekonomi Eksklusif kepada jarak 200 batu nautika daripada sempadan laut (Butcher 2013). Perbincangan isu ini diteruskan lagi di era Tun Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri dengan melantik Ghazali Shafie sebagai Menteri Luar Malaysia menyelesaikan isu berkenaan. Pada 16 Februari 1981, Presiden Indonesia Suharto diiringi Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris bin Mohd Salleh dan Perdana Menteri Malaysia, Tun Mahathir Mohamad di sesi lawatan Ketua Perjumpaan besar-besaran di Padang Bandar Tawau. Walaupun perjumpaan kedua-dua pemimpin utama adalah lawatan rasmi namun perbincangan mengenai isu yang wilayah dan ekonomi turut dibincangkan.

Kerjasama petroleum Malaysia, Indonesia dan ASEAN terus berkembang ketika era Tun Hussein Onn dan Suharto. Kepakaran Indonesia turut digunakan dalam ASEAN untuk kerjasama dalam bidang tenaga dan sumber mineral ASEAN. Ini dapat dilihat dengan penubuhan ASCOPE 1975 yang mempromosikan kerjasama sumber petroleum dalam kalangan negara ASEAN:

"In line with Indonesia's proposal for energy cooperation in ASEAN, the national oil agencies of the association agreed at a preliminary conference in Manila in September 1975 to create an ASEAN Council on Petroleum (ASCOPE). The declaration for establishing ASCOPE was signed in Jakarta on 15 October 1975 by the representatives for the oil agencies of the five countries. The aims of ASCOPE are to promote active collaboration and mutual assistance in the development of the oil resources in the region through joint endeavors, to collaborate in the efficient utilization of oil, and to provide assistance in training, use of research facilities, and services in all phases of the oil industry as well as others."

Pada 19 November 1981, Dalam kerjasama ekonomi sosial Malaysia dan Indonesia. Duta besar Indonesia ke Malaysia, Rais Adin dan isterinya mengadakan lawatan ke Kuching, Sarawak selama dua hari. Lawatan rasmi ini bertujuan melihat peluang kerjasama negeri Sarawak dengan Indonesia yang mempunyai potensi besar dalam sumber mineral dan gas asli. Selain itu, kerjasama aspek pembangunan ekonomi dan sosial telah menghasilkan pembentukan sosio-ekonomi iaitu Kelompok Kerja Sosio-Ekonomi (KK SOSEK). KK SOSEK bertujuan untuk memajukan taraf hidup rakyat di sempadan Malaysia dan Indonesia dengan program penyambung jalan dari Entikong di Kalimatan Barat ke Tebedu di Sarawak pada tahun 1985 (Ruhanas 2009). Selain itu, Projek urea dan juga ammonia juga dibina di Bintulu Sarawak tidak jauh dari projek gas cair asli Malaysia (LNG) yang dibina pada tahun 1983. Projek ini dinamakan sebagai projek Baja Bintulu ASEAN sendirian Berhad dengan sahamnya di pegang oleh Malaysia menerusi (Petronas) 60 %

dan Indonesia syarikat (P.T Pupok Sri Vijaya), Filipina (Lembaga Pelaburan) dan Thailand (Kementerian Perindustrian) 13% (Berita Harian 1979).

Pada Oktober 1982, Ghazali Shafie berjumpa dengan Presiden Suharto ketika lawatan ke Jakarta. Dalam perjumpaan ini, kedua-dua negara bersetuju mencari jalan terbaik untuk menyelesaikan masalah yang tertangguh. Namun demikian, Isu tuntutan wilayah Zon Ekonomi Eksklusif terus menjadi isu utama bukan sahaja berkaitan dengan minyak dan gas tetapi juga dengan isu penangkapan ikan oleh nelayan di perairan Malaysia dan Indonesia (Butcher 2013). Masalah pencerobohan nelayan asing di Wilayah Perairan Negara telah menyebabkan Malaysia memperkenalkan Akta Perikanan 1985. Akta Perikanan 1985 merujuk kepada akta berhubung perikanan, termasuk pemuliharaan, pengurusan dan pemajuan penangkapan ikan dan perikanan ke lautan dan menara di perairan perikanan di Malaysia.

Namun begitu, pencerobohan nelayan luar dan aktiviti perlanungan di perairan Malaysia terus berlaku pada era 1990-an bukan sahaja daripada Indonesia malah daripada negara rantau Asia Tenggara yang lain. Lanjutan daripada kerjasama ekonomi era Tun Hussein Onn dan Suharto dapat disimpulkan bahawa kerjasama era transformasi tertumpu dalam kerjasama perindustrian dalam sektor petroleum dan gas. Hubungan ekonomi kedua-dua negara juga tertumpu kepada persempadanan isu ekonomi, persempadanan laut iaitu garis sempadan laut dan perikanan. Ini merupakan sumber ekonomi penting kedua-dua negara. Kesan dan dasar kerjasama Malaysia dan Indonesia telah membawa kepada perubahan hubungan ekonomi kedua-dua negara.

KESIMPULAN

Hubungan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia di era Tun Hussein Onn dianggap sebagai menerus kesinambungan kerjasama ekonomi yang telah dijalankan ketika era Tun Abdul Razak. Namun begitu, hubungan kerjasama Malaysia dan Indonesia dalam aspek keselamatan rantau Asia Tenggara telah menjadi fokus utama hubungan dua hala Malaysia dan Indonesia. Ini bagi memastikan kestabilan dan keamanan rantau Asia Tenggara terus terjamin daripada ideologi dan pengaruh komunis yang akan menjelaskan kestabilan rantau Asia Tenggara. Malaysia dan Indonesia memainkan peranan penting dalam ASEAN bagi memastikan kedaulatan dan keamanan negara Asia Tenggara kekal terpelihara kerana ia terkait dengan pelaburan dan perdagangan ekonomi.

Terdapat dua sumbangan besar Tun Hussein Onn dalam dasar luar dan ekonomi iaitu pertama, meneruskan DEB dengan memperkasakan dan menubuhkan PNB yang membantu menjadi pelaburan masa hadapan ekonomi melayu bumiputera. Walaupun Tun Hussein Onn tidak banyak merubah dasar ekonomi yang sebelum ini, namun tindakan beliau memperkuatkan matlamat DEB dan membangunkan ekonomi negara telah memberi impak positif kepada ekonomi Malaysia. Kedua, sumbangan terbesar Tun Hussein Onn dalam tempoh lima tahun menjadi Perdana Menteri ialah fokus dasar luar terhadap kestabilan dan keselamatan rantau Asia Tenggara yang menghadapi konflik perang dingin dan ancaman ideologi komunis. Komitmen penuh terhadap isu keselamatan oleh Tun Hussein Onn bersama negara anggota ASEAN yang lain telah berjaya mengekalkan kestabilan dan keamanan rantau Asia Tenggara walaupun terdapat beberapa isu pelarian Vietnam yang menjelaskan sosio-ekonomi Malaysia dan negara ASEAN yang lain.

Dalam kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia dapat dirumuskan dua fokus utama Malaysia dan Indonesia ketika era Tun Hussein Onn. Pertama, meneruskan pembangunan ekonomi berdasarkan perjanjian asas perdagangan ekonomi Malaysia dan Indonesia yang termeterai ketika

era Tun Abdul Razak. Ketika era Tun Hussein Onn beberapa draf perjanjian perdagangan dan ekonomi telah diperkasakan terutama melibatkan isu persempadan darat dan laut yang membawa perbincangan yang mendalam bersama Presiden Suharto. Kedua, Malaysia dan Indonesia di era Tun Hussein Onn bersama-sama menolak ideologi dan ancaman komunis yang menjelaskan kestabilan politik dan ekonomi Malaysia dan Indonesia. Penglibatan Malaysia dan Indonesia dalam deklarasi ‘*Doktrin Kuantan*’ dalam menyelesaikan isu di Vietnam dan Indo-China menunjukkan bahawa kepentingan aspek keselamatan turut menjadi fokus kerjasama Malaysia dan Indonesia.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya atas kerjasama dalam penyelidikan ini.

RUJUKAN

- 2002/0007794, *Manuskrip dasar luar- Tun Abdul Razak (1970-1976), Dato Hussein Onn (1976-1981) dan Dr Mahathir Mohamad (1981-Semasa)*.
- 2001/0044225, *Ketua Perwakilan Indonesia Jawatankuasa Am Sempadan Indonesia/Malaysia, general TNI Tun M. Panggabean*, mengunjungi Datuk Hussein Onn di Kediamannya Seri Taman, Kuala Lumpur. 07.02.1977.
- (E) 0.13/1/3/1, *Malaysia-Indonesia Trade 2nd session of the Malaysia-Indonesia commission on trade and economic relations*.
- (E) 0.13/1/3/1, *Malaysia-Indonesia Trade 2nd session of the Malaysia-Indonesia commission on trade and economic relations*, Agreed Minutes of the second session of the Malaysia-Indonesia commission on Trade and economic relations.
- (E) 0.13/1/3/4, Vol. 2 *Trade with Indonesia-3rd session of the Malaysian Indonesia commission on trade and economic relations*.
- Alauiah Sikom. 1995. *Malaysia dan Politik Antarabangsa*, Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda.
- Amer Fawwaz. 2023. Keutamaan dan Cabaran Kerjasama Maritim Malaysia-Indonesia di Selat Melaka (2016-2020). Jurnal Akademika, UKM. 29(3): 25-37.
- Anthony Gladstone. 1975. Planning Doubts on Repelita, *Far Eastern Economic Review*, Mac 25, 1975.
- Arndt, H. W. 1990. *Pembangunan ekonomi Indonesia: Andangan seorang tetangga*. Yogyakarta: Gajah Mada University Press.
- Bernama, 15 Oktober 1976. “Dasar Minyak”.
- Berita Harian, 9 Ogos 1979, Projek Urea Malaysia dan Indonesia siap 1984.
- Butcher, J. 2013. The International Court of Justice and the Territorial Dispute Between Indonesia and Malaysia. *Contemporary Southeast*. 35(2): 235-257.
- Carlson, R. 1977. *Political and Economic Role in ASEAN, Indonesia's Oil*. Taylor& Francis Group.
- Drabble, J. H. 2000. *An Economic History of Malaysia, c. 1800-1990. The Transition to Modern Economic Growth*. Palgrave Macmillan.
- Esso Production Malaysia Inc. 1983. *Esso Production Malaysia Inc. 1983*. Kuala Lumpur: Public Affairs Dept. of Esso Production Malaysia Inc.

- Faridah Jaafar. 2017. Peribadi Politik Tun Hussein Dan Dasar Luar Malaysia 1976-1981. *Jurnal Sejarah*. UM.11(11).
- Fiona, R. S. 1999. Corruption, Collusion and Nepotism in Indonesia. *Third World Quarterly*. 20(3): 589-602.
- Foreign Affairs Malaysia 1993. *Foreign Affairs Malaysia* 26(1), March 1993, Ministry of Foreign Affairs.
- Malaysia 1979, *Buku Rasmi Tahunan*. Kementerian Penerangan Malaysia.
- Grant, R. M. 1978. Indonesia: A Third Term for President Suharto. *Asian Survey*. 19(2): 141-146.
- Hollinger, W. C. 1996. *Economic policy under President Soeharto: Indonesia's twenty-five years record*. Washington, D.C: United States-Indonesia Society.
- Johan Savaravanamuttu. 2010. *Malaysia's Foreign Policy: The First Fifty Years*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Ku Hasnan Ku Halim. 2009. Berkhidmat Untuk Negara Tun Hussein Onn Legasi Pola Kepimpinan dan Kepengurusan Kepada Bangsa dan Negara. *Persidangan Kebangsaan Pengurusan Pemantapan Sistem Pengurusan Sumber Manusia*. 25-27 Oktober 25, 2009. Kuala Lumpur.
- Leo Suryadinata. 1979. Indonesia: A Year of Continuaing Challenge. *Southeast Asian Affairs, Utheast Asian Affairs*:105-118.
- Liddle, R. W. 1983. Policy and economy in Suharto's Indonesia. Crossroads: An Interdisciplinany Journal of Southeast Asian Studies, 1(3): 3-33.
- Liddle, R. W. 1976. Indonesia 1976: Challenges to Suharto Authority. *Asian Survey*, 17(2): 95-106.
- Lily Yulyadi. 2009. Hubungan dinamaik antara Indonesia dan Malaysia pasca merdeka: Peranan faktor "Co-Religio" dalam hubungan dua hala. *Dalam 50 tahun hubungan diplomatik Malaysia dan Indonesia*: Penerbitan Universiti Malaya. 2009.
- Ismail Hashim. 2004. *The Young Turks PETRONAS*, Kuala Lumpur.
- MacDougall, J. J. 1976. The Technocratic Model of Modernization: The Case of Indonesia's New Order. *Asian Survey*. 16(12):1166-1183.
- Marshall, C. & Juliet, P. 2014. *Indonesia-Malaysia Relations: Cultural Heritage, Politics and Labour Migration*. Routledge, Abingdon, United Kingdom (UK).
- Mohamad Akmal 2020. Impak Perjanjian Asas Hubungan Perdagangan dan Ekonomi Malaysia dan Indonesia dalam Kerjasama Ekonomi dari tahun 1967 hingga 1976. *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Universiti Kebangsaan Malaysia. 47(2): 23-46
- Mohamed Khatib Abdul Hamid 2018. *Duta Malaysia ke Indonesia daripada tahun 1984-1990*. Ucapan dalam Persidangan Malaysia dan Indonesia, Inpuma.
- Mohamad Rodzi, Abd Ghapa, Zubaidah & Azharudin 2013. Rekonilasasi hubungan Malaysia dan Indonesia Dalam Konteks Regionalisme Asia Tenggara. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*. 40(1): 177-197.
- Monthly Review: 1974. Jakarta: *The Centre for Strategic and International Studies*.
- Naskah Sumber Arsip 2015. *Presiden RI: SOEHARTO*. Arsip Nasional Republik Indonesia. Arsip Nasional Republik Indonesia (ANRI).
- Naskah Sumber Arsip 2017. *Adam Malik Menembusi Empat Zaman, Memperingsti 100 Tahun Adam Malik*. Arsip Nasional Republik Indonesia. Arsip Nasional Republik Indonesia (ANRI).

- Prawiro Radius. 2004. *Pergulatan Indonesia membangun ekonomi: pragmatisme dalam aksi*. Jakarta: Primamedia.
- Rancangan Malaysia Ketiga 1976. *Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980*, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur.
- Ruhanas Harun 2005. *Kerjasama dan Konflik dalam Hubungan Malaysia-Indonesia*, University Malaya Press.
- Ruhanas Harus. 2009. *The Evolution and Development of Malaysia National Security in Abdul Razak Baginda(ed). Malaysias Defence and Security Since 1957*: Kuala Lumpur; Malaysia Strategic Research Centre.
- Shakila Parween. 2018. *Ucapan Persidangan Malaysia dan Indonesia*, INPUMA. Hotel Royal Chulan, Selangor.
- Segahran a/l Appo. 2009. *Tun Hussein Onn (1922-1990): Peranannya Dalam Pembangunan Negara Malaysia*, Tesis PHD, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, University Malaya.
- Sinar Harian*, 3 Mac 2015. Petronas: Paling berpengaruh.
- Williams, M. 1985. Indonesia: Suharto Steps Out. *The World Today*. 41(10):184-188.
- Wisma Putra 1981. *Ucapan Perdana Menteri Malaysia, Tun Hussein Onn ASEAN 10 Years*. Wisma Putra.

Mohamad Akmal Ibrahim
Jabatan Sejarah
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya, Malaysia
Emel: akmalibrahim13@um.edu.my